



SIARAN MEDIA

ANGKASA DAN KOPERASI SEKOLAH MENENGAH TUNKU TEMENGGUNG PENDANG BERHAD JAYAKAN INISIATIF PENGIHJAUAN MALAYSIA KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK

PENDANG, 20 OGOS 2022 – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) meneruskan misi penanaman sejuta pokok menjelang 2023 apabila mengadakan kerjasama dengan guru dan pelajar Koperasi Sekolah Menengah Tunku Temenggung Pendang Berhad dengan menanam batang pokok asam gelugur (*Garcinia Atroviridis*) di perkarangan sekolah tersebut hari ini.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah .

Menurut Presiden ANGKASA penanaman 200 pokok asam gelugur pada hari ini bukan hanya sebagai proses menghijaukan kawasan sekolah, namun ianya merupakan inisiatif jangka sedarhana dan panjang di mana pokok tersebut akan mula menghasilkan buah dalam masa tiga (3) tahun dan akan diproses sebagai produk asam keping dan menjadi salah satu pendapatan pihak koperasi sekolah. Tambahnya lagi pokok ini akan menghasilkan buah setiap tahun dan mampu mencapai usia lebih 100 tahun.

Untuk makluman program yang dijalankan di bawah payung CoopCarre ini mensasarkan penanaman sejuta pokok bermula tahun 2022 dan berakhir pada penghujung 2023 dengan melibatkan pembabitin gerakan koperasi dan juga masyarakat awam. Program ini turut disokong penuh oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). ANGKASA mengetuai program ini dengan kerjasama Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia, Yayasan Hijau Malaysia dan rakan-rakan strategik dari pelbagai agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan.

Mengulas lanjut program seterusnya akan diadakan melibatkan koperasi sekolah di seluruh Malaysia menerusi program penanaman pokok secara serentak dan dijangka disertai sebanyak kira – kira 2,000 koperasi sekolah.

Sebagai badan puncak yang diiktiraf oleh pihak kerajaan, ANGKASA sentiasa menyokong usaha positif untuk memastikan khazanah hutan negara terus kekal dan dipelihara serta dapat dimanfaatkan sebaik mungkin selaras prinsip ketujuh koperasi, berprihatin terhadap masyarakat dan komitmen dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030)

**PENGURUS BESAR BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
MERANGKAP PEGAWAI KHAS KEPADA PRESIDEN
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD (ANGKASA)
20 OGOS 2022**

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan 31 Disember 2021, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menaungi 14,834 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 7.08 juta orang, jumlah modal syer/ yuran sebanyak RM16.5 bilion dan jumlah aset RM155 bilion. Perolehan gerakan koperasi mencatat sebanyak RM37.9 bilion. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 51 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

Halim Haji Ibrahim

Pengurus Besar

Bahagian Komunikasi Korporat

Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA

Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481

Faks : +603 – 7884 6489

E-mel : korporat.angkasa@gmail.com

www.angkasa.coop

KOPERASI MENYOKONG AGENDA

